

# AUDIT PENAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN (CHRA)

Disediakan oleh: Azrinawati Mohd Zin & Nurul Izza Husin

Audit Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (CHRA) telah dilaksanakan pada 22 September 2021 bertempat di Makmal Kimia 3, Jabatan Sains Gunaan (JSG), UiTM Cawangan Pulau Pinang. Audit yang berlangsung selama 3 jam tersebut telah dikendalikan oleh Pengapit yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) iaitu Encik Lim Boon Tik. Staf JSG yang turut serta dalam audit tersebut terdiri daripada Ts. Dr. Haslinda Abdul Hamid (Setiausaha Sub-JKKP JSG), Dr. Azrinawati Mohd Zin (Pengurus Makmal Kimia merangkap AJK Sub-JKKP JSG), Puan Rahimah Abdul Rahim (Penolong Pegawai Sains I) dan Puan Rosni Md Salleh (Penolong Pegawai Sains II).

Audit ini dilakukan bertujuan untuk melindungi pekerja daripada sebarang kesan sampingan akibat pendedahan kepada bahan kimia. Ini adalah merupakan salah satu tanggungjawab majikan seperti yang termaktub di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Audit ini merangkumi penaksiran risiko terhadap bahan kimia yang digunakan di tempat kerja seperti mengenalpasti, menilai dan mengawal sebarang risiko yang berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan penggunaan bahan kimia. Antara dokumen yang perlu disediakan untuk tujuan audit tersebut ialah daftar bahan kimia, data keselamatan bahan kimia (SDS), laporan pengujian kebuk wasap (LEV) serta pelan makmal.

Proses audit tersebut telah berjalan dengan lancar. Laporan audit telah diterima dan diedarkan kepada pihak yang terlibat. Segala maklum balas dan cadangan yang diberikan oleh Pengapit yang berdaftar dengan JKPP telah diambil perhatian dan tindakan oleh pihak yang berkenaan.

